

PENGHAYATAN AL-QURAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

SAIFUL ASYEERA SOFEA BINTI BONGSU
asyeerasofea76@gmail.com

ABDUL MUKTI BIN BAHARUDIN
abdulmukti@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan berbentuk asas kepada kanak-kanak sebelum memasuki persekolahan aliran perdana. Matlamat utama pendidikan prasekolah adalah untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam semua aspek melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Penghayatan al-Quran dalam pendidikan awal kanak-kanak mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana dengannya kita berupaya meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan kehidupan kanak-kanak yang cemerlang dalam aspek duniawi dan ukhrawi. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengutarakan aspek pendidikan dalam kemajuan kanak-kanak, bahkan penurunan al-Quran itu sendiri bermatlamat untuk mendidik kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Pendidikan berupaya memelihara nilai asas sesebuah masyarakat khususnya dimulai daripada peringkat kanak-kanak lagi. Para pendidik disarankan untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menekankan elemen pendidikan melalui konsep Islam dalam sistem pendidikan kita.

Kata kunci : *penghayatan, al-Quran, pendidikan, kanak-kanak*

PENDAHULUAN

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan berbentuk asas kepada kanak-kanak sebelum memasuki persekolahan aliran perdana. Matlamat utama pendidikan prasekolah adalah untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan, serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Pendidikan awal kanak-kanak mempunyai banyak kepentingan antaranya ialah pendidikan yang menyediakan generasi yang mempunyai daya ketahanan. Peringkat kanak-kanak merupakan peringkat yang utama dan paling laju berkembang mereka berbanding dengan peringkat-peringkat atau tahap umur yang lebih dewasa dalam kehidupan seseorang. Tumpuan tajuk ini antaranya masalah membaca dan teknik mengajar yang tidak berkesan di peringkat prasekolah. Masalah yang biasa berlaku ialah kurangnya konsep bermain dalam pembelajaran dan menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah pembelajaran. Belajar melalui

bermain adalah pendekatan yang terancang. Tanpa bermain, ternyata ia telah menghilangkan fokus kanak-kanak untuk belajar. Tujuan bermain adalah untuk memastikan situasi pembelajaran yang menggembirakan dan merangsang perkembangan kanak-kanak.

Justeru itu, di dalam kertas kerja ini kajian akan memfokuskan kepada mendidik kanak-kanak dari segala aspek rohani, jasmani, sosial dan intelek untuk masa depan kelak. Kita rasa bertanggungjawab menggalas amanah mendidik kanak-kanak supaya menjadi insan kamil, berjasa kepada ibu bapa, masyarakat, negara dan agamanya.

DEFINISI DAN KONSEP PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Perkataan pendidikan dalam Bahasa Melayu ialah kata nama terbitan daripada kata akar didik yang membawa maksud jaga, pelihara dan ajar. Perkataan pendidikan juga sinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan dan tunjuk ajar. Dalam Bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai *education* (Simpson dan Weiner 1989) yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa latin iaitu *e'ex* dan *duceduc* bererti 'memimpin' yang dapat diinterprestasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat.

Manakala dalam Bahasa Arab pula terdapat beberapa kalimah yang merujuk kepada pendidikan. Antara kalimah yang selalu digunakan ialah (Rosnani Hashim 2006; al-Al-Attas 1979):

- i. **تربيه**. Kalimah **تربيه** berasal daripada kata dasar **رب** (mengasuh, memelihara atau memimpin). Ia juga merujuk kepada proses perkembangan potensi individu, mengasuh atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang (Halsted 2004).
- ii. **تعلم**. Kalimah **تعلم** berasal daripada konotasi **علم** (mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap, menganggap). Ia merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiassannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar atau lain-lain bentuk pengajaran (Halsted 2004).
- iii. **تأديب**. Kalimah ini berasal daripada **ادب** (memperhalusi, berdisiplin dan berbudaya). Ia merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat, ini termasuklah memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali iaitu keadilan (Halsted 2004; al-Attas 1979).

PENDIDIKAN MENURUT AL-QURAN

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah s.w.t kepada nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan Jibrail a.s untuk dijadikan panduan bagi umat manusia. Al-Quran juga diturunkan untuk mendidik manusia khususnya masyarakat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia dengan sebaik mungkin kerana mereka yakin adanya hari pembalasan kelak. Al-Quran juga mengajak manusia supaya sentiasa memerhati serta merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t yang ada di langit dan di bumi. Alam ini merupakan bahan untuk berfikir, sebagai lembaran buku pengetahuan di samping menjadi bukti bagi kesatuan pentadbiran dan peraturan (Muhammad Shadid 1994).

Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah s.w.t menciptakan nabi Adam seperti firman-Nya:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْ بُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝ ۳۱

Maksudnya:

“dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan Segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman : "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan Yang benar”.

surah al-baqarah: Ayat 31

Ayat ini jelas menunjukkan dan menggambarkan bagaimana Allah s.w.t mengajar nabi Adam a.s segala sesuatu nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini ialah untuk kemudahan nabi Adam a.s dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat (Ashraf 1985; Kamarul Azmi dan Abdul Halim, 2007). Menurut Mahyuddin (2001), al-Asma ialah nama-nama sesuatu benda atau perkara yang mana dengan mengenali atau mengetahui nama sesuatu perkara merupakan kunci asas kepada pembentukan ilmu kepada seseorang manusia dan masyarakat. Oleh yang demikian, manusia dipertanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin untuk memakmurkan bumi ini kerana manusia dibekalkan dengan akal yang berpotensi untuk berfikir dan mencari ikhtiar bagi mengatur kehidupan mereka di dunia ini (Ashraf 1985).

Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya:

“dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.

Surah al-dharyyat: Ayat 56

Di samping itu, Islam adalah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan al-Quran telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan tamadun Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki sesuatu perkara. Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah s.a.w dalam firman Allah S.W.T :

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ٢ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ٤ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ٥

Maksudnya:

“bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk). ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya”.

Surah al-Alaq : Ayat 1-5

Ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan. Perkataan iqra (bacalah) yang disebutkan oleh malaikat Jibrail a.s berulang-ulang kali kepada Rasulullah s.a.w

menegaskan supaya umat manusia belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Jika diteliti secara lebih mendalam, ayat ini mendidik dan mengajak orang-orang yang beriman, orang-orang yang baik budi pekerti supaya menjadi orang-orang yang berilmu (Mohd Yusuf 2002). Petunjuk awal ini jugalah yang telah mendorong Rasulullah s.a.w menjadikan aspek pembinaan peribadi cemerlang fizikal, mental dan spiritual mendahului segala agenda lain yang bersifat duniawi, material dan pembangunan fizikal (Zainuddin Jaafar 2003).

Kesimpulannya, belajar atau mencari ilmu itu adalah wajib khususnya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam. Kejadian Allah s.w.t yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam, memerlukan manusia menggunakan akalnyanya dan memperoleh pengetahuan yang tinggi. Penguasaan ilmu adalah amat dituntut oleh Islam. Justeru itu, Islam mewajibkan setiap umatnya, lelaki atau perempuan menuntut ilmu. Kewajipan ini juga bertujuan supaya umat Islam itu tergolong dalam umat Islam yang cerdas dan terhindar dari kejahilan. Pendidikan perlu bermula sejak kanak-kanak lagi. Kita ambil contoh dari kisah surah Luqman Al-Hakim dalam surah al-Luqman adalah sosok pendidik yang beroleh hikmah. Dengan hikmah yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada beliau, menjadikan namanya diabadikan dalam al-Quran. Sebahagian besar ulama' mengatakan bahawa anak Luqman adalah orang musyrik kepada Allah, sehingga Luqman tidak henti-hentinya selalu memberi nasihat agar anaknya hanya mengEsakan Allah s.w.t.

PENDIDIKAN MENURUT AL-SUNNAH

Pendidikan dalam Islam mempunyai martabat yang sangat tinggi dan penting sekali dan ia menjadi entiti yang tidak dapat dipisahkan dengan Islam kerana ia merupakan tuntutan dan kewajipan. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w sendiri amat menggalakkan masyarakat Islam untuk mendalami ilmu pengetahuan. Banyak daripada program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh baginda s.a.w bertujuan untuk membangunkan bidang keintelektualan Islam. Hasil galakan daripada Rasulullah s.a.w, maka dalam jangka masa yang singkat sahaja umat Islam telah melalui transformasi baru dalam bidang ilmu pengetahuan. Mereka bukan sahaja mahir dalam ilmu pengetahuan fiqh, tafsir, tauhid dan sebagainya malah telah menerokai bidang-bidang baru seperti sains, matematik, astronomi, perubatan dan sebagainya. Perkembangan dalam pelbagai bidang keilmuan ini semakin bersemarak khususnya pada zaman pemerintahan Kerajaan Bani 'Abbas di Baghdad dan Kerajaan Bani Umayyah di Andalus (Ismail 1999).

Dari perspektif al-Sunnah, kita boleh mengambil contoh daripada beberapa tindakan Rasulullah s.a.w sebaik sahaja baginda s.a.w diangkat menjadi rasul. Ia boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama ketika baginda s.a.w di kota Mekah dan yang kedua ketika baginda s.a.w berada di kota Madinah. Di kota Mekah baginda s.a.w telah menyeru kepada agama Allah s.w.t di samping mendidik mereka yang telah menyahut seruan dakwah Islam. Walaupun secara zahirnya usaha dakwah pada peringkat awal ini kelihatan kurang berjaya sehingga membawa kepada penghijrahan Rasulullah s.a.w ke kota Madinah, namun secara hakikatnya ia telah membuktikan kejayaan besar baginda s.a.w ke atas orang-orang jahiliyyah. Ini kerana Rasulullah s.a.w berjaya mendidik sebilangan para sahabat dalam tempoh tersebut dan membentuk mereka menjadi sebuah kelompok yang mempunyai keistimewaan dari sudut akidah, budi pekerti serta matlamat hidup (Muhammad Shadid 1992). Selain itu, baginda s.a.w juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kelas bimbingan dan didikan kepada golongan *musabiqun al-*

awwalun di rumah Abi bin Abi al-Arqam. Nabi Muhammad s.a.w selaku nabi yang terakhir yang diutuskan oleh Allah s.w.t telah menggunakan pendekatan pendidikan bagi membangunkan Islam sekaligus mencapai matlamat pengutusannya.

Ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa atau umat. Kehormatan dan kemuliaan diri, keluarga, bangsa dan negara juga terletak pada kekuatan ilmu setiap individu di dalam masyarakat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu muslim itu maju, berdaya saing dan berkembang di atas landasan syariat. Bagi umat Islam, al-Quran dan al-Sunnah haruslah dijadikan panduan dalam mendasari pendidikan masyarakat kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh hal yang demikian, pembinaan terhadap kedua-duanya haruslah seimbang supaya dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam seperti mana yang telah ditunjukkan pada zaman awal Islam.

KEPENTINGAN BELAJAR DAN MENGAJAR AL-QURAN

Kepentingan mempelajari serta mengajarkan al-Quran suatu yang tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia merupakan sumber asas dalam pembinaan manusia. (Mohd Ali, 1991). Membaca al-Quran adalah ibadah yang diberi pahala oleh Allah dengan sebutan yang betul serta mengikut kaedah bacaan dan hokum tajwid.

Matlamat terpenting pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t sebagai seorang individu yang boleh berjaya ditengah-tengah kehidupan masyarakat. Manakala bagi seorang muslim mewariskan al-Quran kepada generasi selanjutnya merupakan tugas dan tanggungjawab. Serta mempelajari dan mampu mengajarkan kepada orang lain merupakan amalan pekerjaan yang terpuji lagi mulia.

Meskipun begitu, kesalahan dalam membaca al-Quran akan menyebabkan satu dosa kepada pembacanya. Kesalahan dalam pembacaan ini disebabkan kelalaian mengenal pasti hokum tajwid dan sebagainya. Islam menuntut agar umatnya memahami konsep mempelajari al-Quran terutamanya golongan kanak-kanak supaya senang dikemudian hari.

Seterusnya, matlamat pendidikan al-Quran dengan jelasnya membuktikan bahawa ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya mampu memberi kejayaan dalam pelbagai penyelidikan. Ahli pendidikan mengambil al-Quran sebagai dasar kaedah, falsafah dan matlamat pendidikan awal kanak-kanak.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, bidang pendidikan sebagai asas terpenting dalam kekuatan sesuatu masyarakat. Tidak dinafikan juga bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan umat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu muslim itu maju dan berdaya saing. Bagi umat Islam, al-Quran dan al-Sunnah panduan hidup dalam mendasari pendidikan. Oleh kerana itu, pendidikan al-Quran perlu diterapkan bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi agar ia mampu membentuk rohani dan jasmani mereka.

RUJUKAN

- Jaslinah Bintin Makantal. 2012. Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Melalui Bermain. UPSI.
- Kurshid Ahmad. 1975. Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ibnu Khaldun. 2000. Mukaddimah Ibn Khaldun. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fromberg. 2002. Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak. UPSI.
- Mcderritt. 2004. Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak. UPSI.
- Mohamad Khairi Othman. 2005. Peranan Sekolah dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mastura (t.th). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. UKM.
- Izam Shah. 2007. Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. UKM.
- Fatimah dan Othman. 2006. Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. UKM.
- Muhammad Rasyid. 2009. Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. UKM.
- Nurul Hidayat. 2016. Konsep Pendidikan Islam Menurut Surah Luqman Ayat 12-19. UIN.
- Engkizar Siq. 2011. Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Al-Quran Dalam Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan,UKM.
- Mohd Ali Harun. 1991. Kepentingan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. UKM.
- Mohamad Azhari. 2008. Analisa Pandangan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Tentang Konsep Pendidikan Dalam Islam. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.
- Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (t.th). Ihya Fi Ulum al-Din. Beirut.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1971. Tuhfah al-Mawdud bi Ahkam. Dimashq.
- Noor Hisham Md Nawi. 2005. Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam. UIAM.